

**1. Apakah Kad Kredit BSN G-Card Al-Aiman Visa?**

Kad Kredit BSN G-Card Al-Aiman Visa ('Kad') adalah kad kredit Islamik yang penggunaannya adalah berdasarkan prinsip *Syariah Ujah* (yuran sebagai balasan ke atas perkhidmatan yang disediakan serta manfaat dan keistimewaan yang ditawarkan) dan *Qard* (merujuk kepada kontrak meminjamkan wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam, di mana pada akhirnya, bayaran balik pinjaman adalah sama dengan jumlah yang dipinjam). Kad ini dikeluarkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk:

- a) Kakitangan kerajaan yang berkhidmat di bawah mana-mana Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun atau Agensi, berdasarkan Program Jenama Bersama iaitu perhubungan strategik antara BSN dan Majlis Kebajikan Dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK); dan
- b) Kakitangan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC).

**2. Apakah syarat-syarat untuk memohon Kad Kredit BSN G-Card Al-Aiman Visa?**

Umur Minimum	Kad Utama – 21 tahun Kad Tambahan – 18 tahun
Pendapatan Minimum	RM24,000 setahun / RM2,000 sebulan
Warganegara	Malaysia

**3. Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan untuk memohon Kad Kredit BSN G-Card Al-Aiman Visa?**

Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

- Borang Permohonan Kad Kredit/-i BSN (terdapat di [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my))
- Salinan Kad Pengenalan (depan dan belakang) termasuk Pemohon Tambahan (jika ada).
- Salinan penyata gaji 1 bulan terkini ATAU Surat Pengesahan Majikan.

**4. Apakah manfaat dan keistimewaan Kad Kredit BSN G-Card Al-Aiman Visa?**

- a) Yuran Pengurusan serendah 8.88% setahun.
- b) Tiada Yuran Tahunan sepanjang hayat (Kad Utama dan Kad Tambahan).
- c) Mata Ganjaran Pendahuluan - 2,000 *Happy Points*:  
*Pemegang Kad Utama perlu menggunakan kad minimum 3 kali dalam tempoh 30 hari dari tarikh kelulusan kad untuk layak mendapat "Mata Ganjaran Pendahuluan".*
- d) Dilengkapi Pelan Perlindungan Kemalangan Perjalanan:  
*Perlindungan takaful perjalanan diberikan secara automatik sehingga RM100,000 (tanpa caj) untuk Pemegang Kad apabila anda membayar penuh tambang perjalanan dengan menggunakan Kad anda. Anda juga akan dilindungi atas kesulitan semasa penerbangan yang disebabkan oleh kelewatan atau terlepas penerbangan, kelewatan atau kehilangan bagasi tertakluk kepada terma dan syarat polisi.*
- e) Program *Happy Rewards*\*:
  - RM1 = 1 mata (perbelanjaan runcit di dalam negara)
  - RM1 = 2 mata (perbelanjaan runcit di luar negara)

\* Tertakluk kepada terma dan syarat Program *Happy Rewards* BSN

**5. Apakah manfaat dan keistimewaan lain yang saya dapat nikmati sebagai Pemegang Kad Kredit BSN G-Card Al-Aiman Visa?**

Anda juga akan menikmati manfaat dan keistimewaan yang kini ditawarkan oleh BSN kepada semua Pemegang Kad yang lain seperti:

- Peningkatan Had Kemudahan
- Program Penukaran Baki Automatik BSN
- *Autobilling* BSN
- Program Pindahan Baki BSN
- Pelan BSN *EasyCash*
- *Pelan 0% EasyPay BSN (EPP)*
- Pelan *Instalment-Pay* BSN
- Pelan Perlindungan Kad Kredit Al-Aiman BSN

**6. Sekiranya saya adalah Pemegang Kad Kredit Utama BSN sedia ada, adakah saya boleh memohon untuk Kad Kredit BSN G-Card Al-Aiman Visa?**

Ya, anda boleh. Anda boleh memohon Kad ini jika anda memenuhi syarat-syarat permohonan seperti yang dinyatakan dalam item 2 di atas. Kelulusan untuk permohonan Kad ini adalah tertakluk kepada penilaian kredit yang baharu. Anda dikehendaki untuk mengisi Borang Permohonan Kad Kredit/-i BSN dan menyerahkannya bersama dokumen-dokumen yang berkaitan sepertimana dinyatakan di item 3 di atas kepada mana-mana cawangan BSN.

**7. Apakah had kemudahan untuk Kad Kredit BSN G-Card Al-Aiman Visa?**

Had kemudahan akan ditentukan berdasarkan pendapatan tahunan pemohon serta penilaian kredit individu yang akan dijalankan oleh BSN dan tertakluk kepada budi bicara BSN.

**8. Jika saya adalah Pemegang Kad Kredit BSN sedia ada dan memohon Kad Kredit BSN G-Card Al-Aiman Visa, adakah saya akan mendapat had kemudahan yang berasingan?**

Had kemudahan akan digabungkan dengan kad sedia ada anda. Walau bagaimanapun, anda boleh memohon untuk kenaikan had kemudahan dengan menyertakan salinan pendapatan terkini untuk pertimbangan BSN, tertakluk pada terma dan syarat serta penilaian kredit BSN.

**9. Adakah Kad Kredit BSN G-Card Al-Aiman Visa diterima di luar negara?**

Ya. Kad ini diterima dan diiktiraf di seluruh dunia, termasuk kemudahan untuk pengeluaran wang tunai menerusi rangkaian meluas Visa dan mesin ATM PLUS.

**10. Adakah yuran tahunan dikenakan ke atas Kad Kredit BSN G-Card Al-Aiman Visa?**

Tiada yuran tahunan dikenakan ke atas Kad ini untuk seumur hidup. Keistimewaan ini juga diberikan kepada Pemegang Kad Tambahan anda.

## 11. Bagaimana dengan bayaran minimum bulanan?

Bayaran minimum bulanan yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

5% baki semasa\* + 100% ansuran bulanan (jika ada)\*\* + 100% amaun tunggakan (jika ada) + amaun melebihi had kemudahan (jika ada) ATAU RM50 yang mana lebih tinggi.

\* Baki semasa = Cukai perkhidmatan + transaksi runcit (jika ada) + amaun pendahuluan tunai (jika ada) + yuran pengurusan dan/atau caj pembayaran lewat dan sebarang fi dan caj lain yang berkaitan (jika ada).

\*\* Terpakai kepada program Pindahan Baki BSN, Pelan BSN *EasyCash*, Pelan 0% *EasyPay* BSN, Pelan *Instalment-Pay* BSN yang BAHARU, Penukaran Baki Automatik (ABC) dan pelan ansuran lain yang disediakan dari semasa ke semasa yang diluluskan bermula dari 2 Oktober 2019.

## 12. Apakah caj-caj pembayaran lewat (Ta'widh)?

Caj bayaran lewat adalah sekurang-kurangnya RM10 atau caj sehingga 1% daripada jumlah baki tertunggak pada tarikh penyata (yang mana lebih tinggi), sehingga maksimum RM100 untuk setiap bulan/tarikh penyata.

## 13. Apakah Yuran Pengurusan untuk Kad Kredit BSN G-Card Al-Aiman Visa?

### a) Yuran Pengurusan Sebenar

#### i. Pembelian Runcit

Yuran Pengurusan Sebenar akan dikenakan ke atas baki tertunggak transaksi runcit yang tidak dibayar selepas tarikh akhir pembayaran. Pengiraan Yuran Pengurusan Sebenar bermula dari tarikh transaksi dinyatakan sehingga bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam akaun Kad berdasarkan kadar berikut:

Tahap	Kadar	Syarat
I	8.88% setahun	Pemegang Kad yang menjelaskan bayaran minimum yang perlu di bayar selama 12 bulan berturut-turut.
II	13.00% setahun	Pemegang Kad yang menjelaskan bayaran minimum yang perlu dibayar bagi 10 bulan atau lebih dalam kitaran 12 bulan.
III	17.50% setahun	Pemegang Kad yang tidak termasuk di dalam kategori-kategori di atas.

#### ii. Pendahuluan Tunai

Yuran Pengurusan Sebenar akan dikenakan pada kadar 1.5% sebulan yang bersamaan 18% setahun dan dikira pada kadar harian dari tarikh Pendahuluan Tunai dibuat sehingga pembayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam akaun Kad.

**b) Yuran Pengurusan Tetap**

Yuran Pengurusan Tetap adalah had maksimum Yuran Pengurusan Sebenar yang akan dicajkan. Sekiranya yuran Pengurusan Sebenar melebihi Yuran Pengurusan Tetap, pihak BSN hanya boleh mengenakan yuran kepada pemegang kad sehingga jumlah Yuran Pengurusan Tetap seperti di bawah:

Jenis Kad-i	Yuran Pengurusan Tetap
BSN G-Card Al-Aiman Visa	RM13,500

BSN akan memberikan rebat (Ibra') kepada pemegang Kad yang mana jumlahnya akan ditentukan dan dikira mengikut budi bicara BSN. Jumlah rebat (Ibra') akan ditentukan berdasarkan kepada perbezaan antara Yuran Pengurusan Tetap dan Yuran Pengurusan Sebenar. Jika anda membuat bayaran penuh sebelum atau pada tarikh akhir bayaran setiap bulan, BSN tidak boleh mengenakan sebarang caj Yuran Pengurusan Sebenar untuk bulan tersebut. Rebate (Ibra') pada Yuran Pengurusan Tetap adalah tertakluk kepada garis panduan Kad Kredit-i Bank Negara Malaysia ke atas Struktur Penetapan Harga Berperingkat.

**14. Apakah caj untuk transaksi pendahuluan tunai?**

Anda akan dikenakan caj sebanyak 2.69% daripada pengeluaran tunai atau minimum RM12.75 yang mana lebih tinggi, bagi setiap transaksi.

**15. Saya ingin memohon Kad Kredit BSN G-Card Al-Aiman Visa tetapi saya masih mempunyai baki tertunggak dari kad kredit saya dengan bank lain. Apakah yang perlu saya lakukan?**

Anda boleh meneruskan permohonan Kad ini. Setelah permohonan diluluskan, anda boleh memohon Program Pindahan Baki BSN untuk memindahkan baki tertunggak anda ke Kad baru anda. Anda perlu melengkapkan permohonan Pindahan Baki BSN dalam Borang Permohonan Kad Kredit-i BSN dan hantarnya ke mana-mana cawangan BSN atau e-mel kepada [cardservices@bsn.com.my](mailto:cardservices@bsn.com.my).

**16. Bagaimana saya boleh memohon atau mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai Kad Kredit BSN G-Card Al-Aiman Visa?**

- a) Kunjungi mana-mana cawangan BSN; atau
- b) Layari laman web BSN di [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my); atau
- c) Hubungi Khidmat Pelanggan BSN di 1-300-88-1900 atau +603-2613 1900 (Luar Negara).

Versi bertarikh 31/10/2023